

Awas Si Pembuli Siber

Oleh Siti Hajar Mahmud



Pada Ogos 2013, dua orang remaja di Kanada dihadapkan ke mahkamah atas dakwaan kelucuan kanak-kanak yang merujuk kepada kes buli siber hingga menyebabkan kematian. Dalam kes tersebut, mangsa, Rehtaeh Parsons, berusia 17 tahun, yang menjadi mangsa rogol dan buli siber, menggantung diri selepas gambar digital menunjukkan dirinya dirogol disebar di sekolahnya pada tahun 2011.

Sementara itu, pada Mei 2013, *Bangkok Post* melaporkan bahawa rangkaian sosial kini menjadi sebahagian daripada cara hidup remaja di Thailand. Hal ini dikatakan demikian kerana semakin banyak remaja dan keluarga mendapatkan kaunseling daripada pakar psikatri akibat menjadi mangsa gangguan dalam talian. Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kesihatan Mental Thailand, Pannimol Wipulakorn, menjelaskan bahawa, gangguan pembuli siber semakin lazim di negara itu terutama dalam bentuk ugutan melalui media sosial. Antara insiden paling meluas berlaku termasuklah perkongsian gambar atau video mengaibkan bersama keterangan menghinakan di laman web sekolah. Dalam kebanyakan kes, mangsa gangguan siber akhirnya terdorong melakukan keganasan dan membunuh diri.

Pada hakikatnya, di balik ledakan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), anak muda dilihat sebagai golongan nombor satu dan paling banyak bergerak selari dengan perkembangan itu. Kini, generasi X, Y, dan Z dikaitkan sebagai penentu digital pada masa hadapan. Mereka mempunyai keupayaan dan memiliki pandangan yang amat berbeza daripada generasi lampau kerana mereka generasi yang lahir ketika era perang dingin, ledakan teknologi maklumat, dan dunia tanpa sempadan.

Seorang tokoh, Don Tapscott, dalam bukunya *Grown Up Digital* meneliti latar belakang generasi X, Y, dan Z yang mempunyai asas latar yang tersendiri. Generasi X lahir antara tahun 1965 hingga tahun 1976, generasi Y lahir antara tahun 1977 hingga tahun 1997, manakala generasi Z lahir selepas tahun 1998. Mereka mempunyai citra tersendiri dan berbeza antara satu dengan lain. Walau bagaimanapun, Don menjelaskan bahawa mereka disatukan dengan suatu ledakan, iaitu TMK. Merekalah yang banyak mempunyai jaringan internet, kenalan di Facebook dan Twitter. Dalam hal ini, laman sosial sepatutnya memberikan kelebihan

kepada generasi X, Y, dan Z untuk berjaya dalam kehidupan melalui ruang yang diberikan.

Namun begitu, dalam era TMK, timbul istilah pembuli siber yang menjadi satu lagi gejala tidak bermoral yang secara senyap merebak hingga menjadi barah kepada masyarakat dunia. Apa-apa yang membimbangkan, era tamadun tinggi dan kemajuan teknologi tidak lagi berupaya menyekat barah gejala pembuli daripada terus mencari ruang dan peluang memuaskan naluri mereka pembuli pihak yang lebih lemah.

Jika dahulu, sering kali kedengaran masalah disiplin di sekolah yang membabitkan kumpulan pelajar yang membuli pelajar lain, bagaikan tiada kesudahan, keadaan semakin parah selaras dengan kecanggihan teknologi telekomunikasi apabila aktiviti membuli menyerap masuk ke dunia siber. Alam siber sepatutnya menjadi gelanggang untuk memperoleh pelbagai manfaat bagi meningkatkan kualiti hidup.



Tindakan merakamkan perbuatan sumbang dan memuat naiknya di internet merupakan jenayah siber yang tidak bermoral.

Dengan menggunakan kelebihan di ruang maya ini, pembuli bagaikan mempunyai ruang yang tiada sempadan untuk dimanipulasikan bagi memuaskan naluri mereka hingga kadang-kala tergamak memuat turun gambar atau video yang bertujuan memalukan dan mengganggu ketenteraman hidup pihak lain.

Secara asasnya, pembuli siber dapat diterjemahkan sebagai aktiviti individu yang dilakukan dengan niat mendatangkan kemudaratan kepada individu lain menerusi pelbagai saluran komunikasi termasuk internet dan telefon bimbit.

Lazimnya, kegiatan mengambil dilakukan oleh remaja lelaki atau perempuan dan kumpulan dewasa yang bermasalah dengan mengganggu, menakut-nakutkan dan memalukan pihak lain menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS), e-mel, pesanan ringkas ruang sembang, ruangan sosial, dan laman web termasuk permainan dalam talian.

Meskipun di Malaysia, gejala ini tidak serius seperti yang berlaku di luar negara, benih pembuli sosial sudah mula bercambah apabila semakin banyak remaja dan golongan dewasa yang menyalurkan kemarahan mereka dengan menyalahgunakan TMK untuk kepuasan sendiri.

Negara pernah digemparkan dengan video dalam talian sebuah laman interaktif terkenal yang maparkan keganasan sekumpulan pelajar perempuan sekolah

menengah memukul pelajar lain serta pembabitian dua remaja yang bergaduh hingga mendatangkan kecederaan.

Meskipun tiada bukti kukuh aktiviti ini berpunca daripada ketidakpuasan hati antara kumpulan remaja tersebut, kejadian tersebut sedikit sebanyak membuktikan budaya remaja zaman ini semakin cenderung untuk memuat naik kandungan berunsurkan keganasan dan memalukan menerusi laman web tanpa menyedari tindakan tersebut merupakan sebahagian daripada aktiviti jenayah siber.

Umumnya, sejak internet diperkenalkan, pelbagai langkah sudah diambil pihak berkuasa bagi memastikan semua pihak mematuhi adab menggunakan ruang maya tanpa mendatangkan kemudaratan kepada pihak lain. Antaranya, termasuklah penguatkuasaan Akta Komunikasi dan Multimedia mengikut seksyen 223: yang menyatakan, sebarang komen, permintaan, cadangan atau komunikasi yang berbunyi kelucahan, mencabul, salah, ancaman, menyerang atau menyakiti dengan tujuan menjengkelkan, menganiaya, menakutkan atau mengganggu pihak lain. Jika disabitkan kesalahan boleh dihukum denda tidak melebihi RM50 ribu atau penjara tidak melebihi setahun. Selain itu, pemantauan yang dilakukan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk membendung pembuli siber semakin mendapat perhatian apabila SKMM berjaya mengesan pembuli siber dan membawa mereka ke muka pengadilan.

Dalam kes yang lebih berat, pembuli siber boleh bertukar dengan melakukan jenayah siber yang lebih berat dan berbahaya hingga mengancam keselamatan pihak yang dibuli termasuklah menyerang atau mengintip mangsa. Kesan mendalam dilihat kepada mangsa buli termasuklah mengganggu perasaan, prestasi pelajaran atau pekerjaannya merosot hingga menyebabkan mangsa bertindak di luar kawalan, seperti membunuh diri.

Dalam membendung masalah jenayah siber, tanggungjawab mendidik dan menjauhkan golongan remaja dan kanak-kanak daripada terjerumus dalam aktiviti pembuli menjadi tanggung jawab sosial semua pihak. Hal ini termasuklah usaha kerajaan melalui kempen dan penguatkuasaan undang-undang yang berkesan. Ibu bapa juga seharusnya memahami dan mengetahui aktiviti anak mereka ketika melayari internet, seterusnya peka dengan melihat perubahan kepada sikap anak sekiranya mereka menjadi mangsa buli.

Dalam hal ini, langkah awal yang dapat diambil oleh ibu bapa adalah dengan melengkapkan komputer rumah dengan perisian yang dapat memantau aktiviti mereka dan menghalang atau memberikan amaran kepada mereka daripada memasuki ruangan yang bahaya, seperti yang ditawarkan di bawah Symantec, iaitu OnlineFamily Norton dan Norton 360 Cyber Safety Index.

Melalui langkah ini, ibu bapa dapat mendekati diri untuk memantau aktiviti anak dan menasihatkan mereka berdasarkan kecenderungan mereka melayari internet. Kini, pembuli siber memenuhi ruang TMK. Meskipun jejak mereka sukar dikesan, usaha mengelakkan diri daripada terpedaya dengan "jenayah" dapat dielakkan sekiranya anak atau generasi muda mengetahui padah menjadi mangsa pembuli siber. ■

